

04/09/2003

TPM jamin kekal dasar dipersetujui Dr M, Mbeki

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan akan meneruskan dasar kerjasama yang dipersetujui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki, apabila mengambil alih pucuk pimpinan negara selepas Oktober ini.

Timbalan Perdana Menteri menyampaikan sendiri jaminan itu dalam pertemuan dengan Mbeki di Hotel Nikko di sini, semalam.

"Kami berbincang mengenai usaha yang perlu diambil untuk menjayakan persetujuan yang telah dibuat antara Mbeki dan Perdana Menteri dalam lawatan beliau (Mbeki) ini.

"Saya memberi jaminan kepada beliau bahawa tidak ada masalah untuk saya melaksanakan apa juga perkara yang telah diputuskan antara dua ketua kerajaan.

"Saya juga telah menyatakan, iaitu dari segi hubungan baik antara Malaysia dan Afrika Selatan, saya mahu lihat hubungan baik ini dikembang dan diperkukuhkan lagi," katanya selepas pertemuan setengah jam itu.

Hadir sama, Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy. Kelmarin, Mbeki dan Dr Mahathir mengadakan pertemuan empat mata sebelum mengetuai delegasi masing-masing bagi perbincangan penuh pada hari kedua lawatan rasminya ke Malaysia.

Abdullah berkata, banyak perkara yang Afrika Selatan dan Malaysia boleh bekerjasama dan laksanakan bagi kebaikan kedua-dua negara.

Katanya, mereka juga membincangkan mengenai Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) kerana Afrika Selatan masih ada peranan sebagai bekas ketua NAM sebelum ini.

"Dalam troika itu, peranan Afrika Selatan masih ada dan saya menyatakan adalah menjadi komitmen Malaysia sebagai ketua NAM pada waktu ini untuk menjayakan perkara yang dipersetujui dalam sidang kemuncak NAM di Kuala Lumpur Februari lalu," katanya.

Pada pertemuan itu juga, kata beliau, Mbeki menyatakan rasa puas hatinya terhadap peranan syarikat Malaysia khususnya Petronas yang dianggap berjaya dalam melaksanakan dan menjayakan pelaburannya di Afrika Selatan.

"Mbeki berpuas hati kerana Petronas berjaya mengambil kira harapan kerajaan Afrika Selatan sendiri untuk membolehkan rakyat negaranya mengambil peranan dalam kegiatan yang ada hubung kait dengan syarikat itu di negara terbabit.

"Petronas juga memberi biasiswa kepada 44 pelajar Afrika Selatan untuk belajar di Malaysia," katanya.

Mengulas keputusan Mahkamah Negeri Jakarta Pusat menjatuhkan hukuman empat tahun penjara terhadap guru agama, Abu Bakar Bashir, 65, kelmarin, Abdullah berkata, ia adalah hasil perbincangan mahkamah negara itu dan perlu dihormati.

"Apa yang mereka putuskan itu adalah mengikut perbincangan yang telah diadakan. Tapi yang pentingnya ialah apakah ini membawa kesan atau tidak.

"Saya fikir ia ada kesannya, tetapi pihak Indonesia perlu teruskan lagi usaha untuk memerangi apa juga keganasan yang terdapat di negara itu," katanya.

Kelmarin, Ketua Hakim, Mohamad Saleh menjatuhkan hukuman berkenaan terhadap Abu Bakar selepas tertuduh didapati bersalah mengambil bahagian dalam kegiatan subversif bertujuan menggulingkan kerajaan Indonesia.

Bagaimanapun, panel hakim diketuai Mohamad yang membicarakan Abu Bakar atas tuduhan pengkhianatan dan cuba menggulingkan kerajaan, mendapati

tertuduh bukan pemimpin Jemaah Islamiah (JI).